

LAWATAN KE PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA KUALA OLEH ASISTEN KETUA STAF PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4262-lawatan-ke-pusat-kawalan-trafik-udara-kuala-oleh-asisten-ketua-staf-perancangan-dan-pembangunan

SUBANG, 14 Dis 18 – Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan, Mej Jen Dato’ Dzulkarnain bin Hj Ahmad TUDM telah membuat lawatan kerja tidak rasmi ke Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC).

Dalam sesi lawatan, beliau juga telah mempengerusikan Mesyuarat Pemantauan dan Kemajuan Projek Penempatan Semula PUKALUB Subang ke Sepang bertempat di ‘Military Coordination Center (MCC)’. Ketibaan Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan dan rombongan telah disambut oleh Pegawai Memerintah PUKALUB Subang, Lt Kol Mohamad Zain bin Daud TUDM.

